



SIARAN MEDIA

ISES 2022 LONJAK PEMBANGUNAN TENAGA LESTARI NEGARA

Persidangan Tenaga Lestari Antarabangsa Kelima atau *5th International Sustainable Energy Summit (ISES) 2022* berjaya menghimpunkan tidak kurang daripada 2,300 penyertaan merangkumi penggubal dasar, pemain industri dan para intelek tenaga lestari bagi membincangkan mengenai hala tuju, cabaran dan strategi ke arah mencapai sasaran campuran tenaga dalam kapasiti bekalan elektrik negara sebanyak 31% menjelang tahun 2025 dan 40% pada tahun 2035. Selain peserta persidangan, pameran yang diadakan bersempena ISES 2022 juga menerima lawatan tidak kurang daripada 3,000 pengunjung.

Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, YB Datuk Ali Biju dalam ucapan penutup berkata, ISES 2022 telah mewujudkan perspektif baharu dalam kalangan semua pihak berkepentingan dalam merealisasikan sinergi dan usaha sama dalam merealisasikan matlamat peralihan tenaga negara.

“Gandingan usaha antara sektor awam dan swasta adalah penting supaya acuan peralihan tenaga yang diterapkan bukan sahaja mampan, malah berdaya harap dan tidak akan menyebabkan kenaikan kos pembekalan elektrik di luar kemampuan kepada rakyat” ucap YB Datuk Ali Biju.

ISES 2022 menyediakan empat (4) sesi perbincangan panel utama dan 10 bengkel perbincangan khas yang disertai oleh panel pakar, wakil kedutaan, pemain industri dan intelek, dari dalam dan luar negara. ISES 2022 juga turut mempamerkan produk dan perkhidmatan syarikat-syarikat terkemuka dalam bidang tenaga lestari. Selain itu, sebanyak sembilan (9) Memorandum Persefahaman (MoU) yang melibatkan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia telah dimeterai dan empat (4) MoU lagi melibatkan kerjasama antara beberapa syarikat dan pemain industri tenaga lestari juga telah ditandatangani.

ISES 2022 yang dianjurkan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melalui agensinya SEDA Malaysia diharap mampu mencetus sinergi antara pemain industri dan pemegang taruh sektor tenaga lestari untuk menjalin kolaborasi lebih baik dan menyumbang kepada usaha bagi merealisasikan aspirasi negara untuk menjadi neutral karbon menjelang 2050.

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

30 OGOS 2022

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web www.ketsa.gov.my

 KeTSA Malaysia  KeTSA Malaysia  ketsa.malaysia  ketsamalaysia1

